

STANDARD KUALITI PENDIDIKAN JAIS

OBJEKTIF

1. Meningkatkan tahap profesionalisme guru;
2. Menetapkan aras kecemerlangan yang sepatutnya atau diperlukan untuk dicapai oleh sekolah;
3. Memperihalkan penarafan kualiti yang diperlukan; dan
4. Mengupayakan sekolah untuk menilai kualiti sekolah tanpa kehadiran pemantau atau nazir

LATAR BELAKANG SKPJ

1. Pada tahun 1998 , dua buah sekolah iaitu Sekolah Agama Menengah Unwanus Saadah Kanchong Darat (SAMUS KD) dan Sekolah Agama Menengah Tinggi Hisamuddin Kampung Jawa, Klang (dikenali kini sebagai SAMT Sultan Hisamuddin) telah melaksanakan sistem pengurusan kualiti menggunakan standard MS ISO 9002 dan telah diaudit oleh pihak MAMPU pada awal pelaksanaan sistem berkenaan.
2. Pelaksanaan kualiti telah diperluaskan ke 23 buah Sekolah-sekolah Agama Menengah/Menengah Tinggi mulai tahun 2003 apabila skop persijilan melibatkan Bahagian Pendidikan Islam JAIS dan pada tahun 2005, semua Sekolah-sekolah Agama Menengah / Menengah Tinggi dan Bahagian Pendidikan Islam JAIS telah diberi pengiktirafan MS ISO 9001:2000 dengan No. sijil 1556.
3. Pada tahun 2005, Bahagian Pendidikan Islam telah menukar skop persijilan ke Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Negeri Selangor dan pada 30 Ogos 2005 bertempat di SRAI Seksyen 19 Shah Alam, satu majlis pelancaran MS

ISO 9001:2000 telah diadakan dan SRAI Sungai Manggis telah dipilih sebagai projek rintis.

4. Bermula 2008, 10 buah SRAI negeri Selangor telah dimasukkan ke dalam skop persijilan dan telah memperolehi pengiktirafan berkenaan pada tahun yang sama.
5. Mekanisme pengurusan berkualiti tetap menjadi agenda Bahagian Pendidikan Islam JAIS dalam meningkatkan prestasi pentadbiran dan pengurusan sekolah-sekolah di bawah kendaliannya dan pada tahun 2009, dengan berasaskan dokumen Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) dan peraturan-peraturan Sekolah Agama dan Guru-guru Agama Kerajaan negeri Selangor (JAI.Sel : 2236/23.11.83) bertarikh 14 September 1983, penelitian awal telah dibuat dan diwujudkan satu jawatankuasa khas untuk menyemak, mengenalpasti keperluan standard dan menyediakan standard kualiti pendidikan JAIS.
6. Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam (Enakmen No. 2 Tahun 1988) memperuntukkan tanggungjawab kepada nazir Sekolah Islam yang dilantik untuk menjalankan pemeriksaan dari semasa ke semasa untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran yang memuaskan dilaksanakan dan berterusan di institusi pendidikan negeri Selangor. Sektor Naziran di Bahagian Pendidikan Islam JAIS diberikan tanggungjawab untuk memantau dan menilai pelaksanaan kurikulum di sekolah-sekolah agama negeri dengan instrumen-instrumen penilaian yang dibangunkan oleh sektor berkenaan.
7. Instrumen-instrumen berkenaan menjadi dokumen sokongan kepada satu mekanisme lebih sistematik yang dinamakan sebagai Standard Kualiti Pendidikan JAIS (SKPJ) yang telah dirasmikan oleh S.S Pengarah JAIS pada 7 Februari 2011 di Dewan Seminar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

8. Standard Kualiti Pendidikan JAIS membolehkan pengurusan sekolah meletakkan keperluan dan taraf sekolah berdasarkan kekuatan, kelemahan, peluang dan cabaran. Dengan kajian berdasarkan SWOT atau apa jua mekanisme penilaian, pengurusan sekolah boleh merancang program untuk memajukan sekolah secara berterusan dan standard ini akan dikaji oleh pihak jawatankuasa selepas tempoh-tempoh yang ditetapkan.

9. Berdasarkan Hala Tuju Pendidikan Islam JAIS 2009 , pelaksanaan SKPJ merupakan agenda terpenting selain MS ISO 9001:2008 yang dilaksanakan di SRAI Negeri Selangor (tidak termasuk SRAI Dato' Mufti Yusuf Shahabudin), dan SKPJ dilaksanakan di Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi, Pra Sekolah JAIS dan Sekolah-sekolah Rendah Agama Negeri Selangor . SKPJ akan terus dimantapkan sebagai agenda selari dengan pelaksanaan MS ISO 9001:2008 yang dilaksanakan oleh pihak jabatan demi memastikan standard pendidikan Islam terus berada di landasan yang ditetapkan.

KERANGKA KONSEP SKPJ

1. Penyediaan SKPJ adalah berasaskan Model Sekolah berkesan (Mortimore ,1995) , Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 di SRAI , Integrated Holistic Education System (IHES ²⁰⁰⁸) dan Quranic Generation Development Program (QGDP ²⁰¹¹).

2. Teori yang wujud dalam Model Sekolah Berkesan mengkaitkan hubungan keseluruhan elemen yang memiliki ciri-ciri tertentu dan dalam konteks sekolah, kemenjadian murid adalah hasil input yang menghasilkan impak (output) yang sebelumnya diolah dan diadun dari pelabagi sumber seperti sumber manusia,kewangan, pendidikan dan kemudahan fizikal.

3. Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 juga menyatakan bahawa kualiti yang terhasil dapat dibuktikan dengan output yang berkesan. Di dalam sistem ini, faktor kepimpinan, pengurusan, prasarana dan persekitaran, pembangunan menjadi elemen kukuh berdasarkan klausa standard berkenaan.

4. IHES dan QGDP yang dibangunkan merupakan sistem pendidikan yang mempunyai kerangka kuat dalam kemenjadian murid khususnya generasi al-quran yang ingin dilahirkan. Perkara profesionalisme keguruan, pengurusan kurikulum dan kokurikulum, pembangunan sahsiah, komuniti dalam pendidikan , pengajaran dan pembelajaran serta penilaian telah digariskan sebagai keperluan besar mencapai kehendak dan aspirasi Falsafah Pendidikan Islam JAIS.

5. Berdasarkan SKPM 2004 dan sistem-sistem yang berkaitan, maka penyediaan SKPJ adalah terdiri daripada empat dimensi iaitu;

Dimensi 1	: Kepimpinan dan Hala Tuju
Dimensi 2	: Pengurusan Organisasi
Dimensi 3	: Pengurusan Program Pendidikan
Dimensi 4	: Kemenjadian Murid

6. Keempat-empat dimensi tersebut digunakan untuk mengukur tahap kecemerlangan sekolah berdasarkan senarai aspek dan deskripsi skor yang disediakan yang akan mewujudkan indikator kualiti sekolah-sekolah berkenaan.

ORGANISASI DOKUMEN STANDARD KUALITI PENDIDIKAN JAIS

1. Dokumen SKPJ mengandungi empat bab iaitu;

Bab 1 : Pengenalan

Bab 2 : Panduan penggunaan

Bab 3 : Penyataan Dimensi

Bab 4 : Instrumen SKPJ

2. SKPJ mengandungi empat dimensi dan 94 aspek serta wajaran yang ditetapkan seperti berikut;

Dimensi	Jumlah Aspek	Wajaran (%)
1. Kepimpinan dan Hala Tuju	8	10
2. Pengurusan Organisasi	23	30
3. Pengurusan Program Pendidikan <ul style="list-style-type: none">• Kurikulum, kokurikulum dan HEM• Pengajaran dan Pembelajaran• Pembangunan Sahsiah• Penilaian Pencapaian Murid	29	45
4. Kemenjadian Murid <ul style="list-style-type: none">• Pra Sekolah• Thn. 1-6 dan PSRA• Thn. 1-6 dan UPSR• Ting. 1-3 dan PMR• Ting. 4-5 dan SPM• SMA dan Tahfiz/Hafazan al-Quran• Ting. 6 dan STAM/STPM• Kokurikulum• Sahsiah Murid	34	15
Jumlah	94	100